

Kepentingan Peranan Pasar Tradisi dalam Konteks Bandar Warisan

(The Importance of the Role of Traditional Markets in the Context of Heritage Cities)

Mohamad Al-Hafiz M Saharuddin^a, Azimin Samsul M Tazilan^{a*}, A Wafiy Haniff Kamal^a & Marcin Zbiece^b

^a*Jabatan Seni Bina dan Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia,*

^b*Institute of Wood Sciences and Furniture, Warsaw University of Life Sciences (WULS, Poland)*

*Corresponding author: azimintazilan@ukm.edu.my

Received 11 May 2022, Received in revised form 1 June 2022

Accepted 14 July 2022, Available online 30 October 2022

ABSTRAK

Pasar tradisional merupakan sebuah tempat yang menggambarkan potret kehidupan masyarakat berkumpul menjalani aktiviti komuniti dan perdagangan pada setiap hari. Ia merupakan sebuah ruang kebudayaan yang menyokong pertumbuhan aktiviti masyarakat setempat di bandar warisan. Namun begitu, kemunculan pembangunan seni bina pasar moden menyebabkan keadaan seni bina pasar tradisional kian terancam akibat persaingan ekonomi serta kehadiran budaya yang global. Kajian penyelidikan ini adalah untuk menghuraikan elemen ketara (tangible) dan tidak ketara (intangible) terhadap pasar tradisional dari aspek budaya di sekitar bandar warisan. Metodologi yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah kualitatif, di mana data diperoleh daripada sumber primer dan sekunder sebelum melakukan analisa data dan seterusnya diikuti dengan perbincangan dan diakhiri dengan kesimpulan. Penemuan daripada kajian penyelidikan ini menunjukkan elemen keunikan pasar tradisional masih kekal dan wujud di sekitar bandar warisan sebagai ruang kebudayaan adalah melalui pengaruh nilai sejarah, kepelbagaiannya aktiviti, sosio-budaya, keunikan produk yang segar dan jimat, perniagaan secara tradisi, lokasi berpusat dan kemudahsampaian akses yang tinggi di sekitar bandar warisan. Kesimpulannya, seni bina pasar tradisional perlu dikenalkan peranannya serta fungsi sebagai ruang kebudayaan yang lestari supaya dapat mewarnai pertumbuhan ekonomi, sosial dan persekitaran kehidupan masyarakat setempat di bandar. Tambahan, kajian ini boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada pembangunan pasar pada masa hadapan untuk mencapai kualiti kehidupan pertumbuhan pembangunan masyarakat setempat yang lestari dan unik.

Kata kunci: Pasar tradisi; budaya; bandar warisan

ABSTRACT

The traditional market architecture is a cultural space that supports the growth of local community activities in the heritage city. Its role depicts daily trade and community activities. The emergence of modern market architecture has caused the state of traditional market architecture to be increasingly threatened by economic competition and the presence of global culture. This research describes the tangible and intangible elements of the traditional market from the cultural aspect around the heritage city. The methodology used in this research is qualitative, where the data were gleaned from primary and secondary sources. The findings show that the unique elements of traditional markets still exist around the heritage city as a cultural space through the influence of historical values, diversity of activities, socio-culture, uniqueness of fresh and economical products, traditional business, central location and accessibility. In conclusion, the traditional market architecture needs to maintain its role and function as a sustainable cultural space in order to colour the economic, social and environmental growth of the local community in the city. In addition, this study can be used as a guideline to market development in the future to achieve a sustainable and unique quality of life of local community development growth.

Keywords: Tradition marketplace; culture; heritage town

PENGENALAN

Di Malaysia, lokasi seni bina pasar tradisional adalah sinonim dengan bandar-bandar warisan. Ia dipenuhi oleh nilai sejarah dan warisan budaya yang dibina oleh komuniti masyarakat setempat. Tanpa kita sedari, telah hampir 100 tahun pasar tradisional wujud di Malaysia sehingga hari ini. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Kamus Dewan 2005), pasar bermaksud bangunan atau kelompok gerai. Kebiasaannya, ia adalah tempat untuk menjual barang-barang makanan, keperluan harian dan juga tempat orang berjual beli.

Pasar tradisional sangat terkenal sebagai tempat yang kaya dengan ruang budaya yang amat meriah dengan aktiviti penglibatan masyarakat setempat pada setiap hari (Zakariya 2016). Berdasarkan kenyataan Lee (2012), budaya didefinisikan oleh sekumpulan orang dengan cara hidup yang merangkumi pertimbangan dan tingkah laku serta nilai kepercayaan, peraturan, organisasi politik, dan kegiatan ekonomi yang ditularkan dari satu keturunan yang lain ke satu keturunan yang lain melalui proses pembelajaran. Pasar tradisional juga menggambarkan sebagai ruang budaya perdagangan komuniti yang terpenting di sekitar kampung, sub-bandar dan bandar (Petrović et al. 2021).

Pasar tradisional berperanan sebagai sebuah tempat yang kehidupan untuk berniaga dan berbelanja, tempat masyarakat berkumpul, tempat masyarakat bertemu dan berinteraksi untuk memenuhi keperluan dan kehendak individu secara turun-temurun. Pasar tradisional juga merupakan ruang atau tempat yang mana barang, cenderahati dan produk komuniti tempatan diperdagangkan (Ghapar et al. 2014). Kewujudan pasar tradisional masa kini ini masih menjalankan aktiviti-aktiviti penglibatan komuniti setempat dan berfungsi di persekitaran pekan-pekan kecil (Ida Bagus 2016).



RAJAH 1. Peranan Pasar Tradisi

Namun begitu, pada hari ini kewujudan pasar tradisional dilihat semakin dihimpit dengan pelbagai isu permasalahan serta persaingan dengan kewujudan pasar-pasar moden yang kian membangun di seluruh Malaysia. Kini, pasar tradisional berhadapan dengan cabaran yang kuat dengan kemunculan budaya luar di mana secara terus memberi kesan kepada perilaku pelanggan (Ida Bagus, 2016). Rizal et al. (2017) menyatakan, peredaran zaman masa kini semakin pesat adalah sebab utama pasar tradisional mulai terancam. Beliau berkata juga, ini adalah disebabkan percambahan peniaga runcit asing seperti *minimarket* iaitu pasar moden yang


membuatkan sesetengah komuniti lebih selesa melawati *minimarket* berbanding pasar tradisional. Di Malaysia sahaja, sejak 2013-2021 berlaku pertumbuhan drastik terhadap perniagaan minimarket baru seperti 99 Speedmart dan KK SuperMart (Ganesan 2021). Pasar *minimarket* ini turut berkembang pesat kerana ia lebih mudah untuk dicapai dan berurusan lebih-lebih lagi kekangan pergerakan ketika isu pandemik yang melanda dunia baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, kedudukan situasi pasar tradisional pada hari ini masih kekal segar memainkan peranan penting sebagai tempat ruang aktiviti kebudayaan bagi masyarakat setempat. Menurut Nelwan et al. (2017), pasar tradisional masih bertahan sehingga hari ini kerana budaya berbelanja yang tradisional seperti tawar-menawar masih diguna pakai sehingga kini. Oleh itu, kajian penyelidikan ini dilakukan adalah untuk mengkaji mengapa sesetengah masyarakat masih melawati dan mewarnai seni bina pasar tradisional untuk mencari barang keperluan harian berbanding pasar moden hingga ke hari ini. Selain itu, kajian ini juga akan menghuraikan secara terperinci berkenaan nilai-nilai keunikan dari segi aspek kepentingan budaya yang dimiliki pada pasar tradisional yang masih wujud berdiri teguh berbanding dengan pasar moden di sekitarnya. Di akhir kajian ini, nilai-nilai keunikan yang dimiliki oleh pasar tradisional akan dirumuskan supaya dapat menjadi panduan bagi mencadangkan keperluan reka bentuk pasar yang bercirikan ruang budaya untuk masyarakat setempat yang lestari pada masa hadapan.

METODOLOGI

Kajian kes hanya tertumpu pada pasar tradisional di sekitar kawasan bandar warisan. Tiga kajian kes telah dijalankan iaitu (i) Pasar Taiping, Perak, (ii) Pasar Chowrasta, Penang dan (iii) Pasar Pudu, Kuala Lumpur (Rajah 2). Menurut Suryanto et al. (2018), pasar tradisional masih mengekalkan proses tawar-menawar harga berbanding dengan pasar moden yang hanya memasarkan barang dengan menggunakan label harga dan barisan di kaunter untuk membayar barang keperluan harian tanpa melakukan interaksi di antara penjual dan pembeli. Pasar tradisi ini dipilih kerana ia masih beroperasi sehingga hari ini dengan ciri-ciri tradisional dan berfungsi untuk menyalurkan dan melakukan perniagaan serta perdagangan barang keperluan kepada masyarakat setempat. Dapatkan data kajian telah diperoleh secara primer dan sekunder sebelum melakukan analisa dan seterusnya diikuti dengan perbincangan dan diakhiri dengan kesimpulan. Penulisan pada kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan eksplorasi dan penyiasatan (Tazilan 2012). Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan beberapa kajian kes dengan melakukan penyiasatan secara menyeluruh ke arah aspek fenomena, keadaan persekitaran sekeliling, proses dan hubungkait (Creswell 2009). Penyelidikan ini menggunakan beberapa kaedah utama iaitu, kajian pustaka, kajian kes, pemerhatian, sejarah hidup. (Tazilan 2012). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif.

Perkembangan isu semasa yang berlaku dengan keadaan semula jadi dan aplikasinya dalam praktis telah menjurus kajian ini dijalankan secara kualitatif.



RAJAH 2. Dari kiri, (a) Pasar Taiping, (b) Pasar Chowrasta, dan (c) Pasar Pudu

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dapat dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu; (i) Nilai sejarah (ii) Aktiviti Sosio-budaya (iii) Persepsi dan Pengalaman Manusia.

NILAI SEJARAH

Nilai sejarah pada pasar tradisional adalah suatu perkara yang amat penting bagi mengekalkan budaya jual-beli dari satu generasi ke generasi seterusnya. Menurut Residen British, Frank Swettenham, (1893) “...adalah menjadi lumrah bahawa di setiap kawasan perlombongan seharusnya ada sebuah bandar dan pasar”. Hasil kajian mendapati bahawa nilai sejarah yang terkandung pada pasar tradisi tapak yang dikaji mempunyai beberapa persamaan dalam punca mengapa pasar ini diwujudkan. Ketiga-tiga pasar tradisi itu wujud ketika aktiviti perlombongan timah dijalankan. Seterusnya, kegiatan ekonomi bermula di kawasan tersebut. Setelah sektor kegiatan ekonomi mula dibangunkan, ia diikuti dengan pembangunan jalan raya bagi menyokong sistem pengangkutan dan ruang komersial. Kemunculan kemudahan seperti jalan raya, penempatan serta ruang komersial dapat membentuk sebuah bandar yang mencorak kehidupan masyarakat untuk berkumpul, bertemu, melakukan aktiviti jual beli, aktiviti kebudayaan dan sebagainya. Ini menunjukkan masyarakat mula membina sebuah kehidupan dan sara diri kehidupan mereka di bandar.




RAJAH 3. Suasana di Pasar Payang, 1906
(Sumber: Adilnor Collection, Sweden)

Perkembangan aktiviti jual beli telah mendorong seni bina pasar tradisi dibangunkan untuk menyediakan sebuah pusat untuk masyarakat bertemu, berjual-beli dan berlakunya aktiviti kebudayaan yang besar di sesebuah bandar. Kewujudan pasar ini sedikit sebanyak telah membentuk gaya kehidupan sehari-hari mereka dari aspek budaya, ekonomi, sosial, dan persekitaran setempat. Menurut Qamaruz-Zaman et al. (2014), sesuatu bandar tanpa pasar mungkin berfungsi, tetapi masih kekurangan tempat di mana lapisan masyarakat dapat berkumpul dan bersosial di mana budaya nyata (*tangible*) dan tidak nyata (*intangible*) dapat dirasai di dalam membentuk jiwa setempat (*sense of place*).

AKTIVITI SOSIO-BUDAYA

Antara keunikan pada pasar tradisi adalah ia mempunyai banyak tingkah laku aktiviti yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan kaum yang mana mereka turut mengunjungi pasar ini pada setiap hari. Penglibatan masyarakat setempat telah banyak menyumbang kepada kehidupan pasar tradisi agar ia terus hidup dan mewarnai kehidupan sesebuah pembangunan bandar. Berdasarkan hasil kajian, ketiga-tiga pasar tradisional ini mempunyai kepelbagaian aktiviti yang menyokong kehidupan masyarakat di pasar tradisi di bandar warisan. Antaranya aktiviti utama adalah aktiviti jual beli tradisional iaitu tawar-menawar masih diguna pakai lagi sehingga kini. Ini menunjukkan keunikan masyarakat yang sering melawati dan mewarnai dunia pasar tradisional di bandar warisan.



RAJAH 4. Pengunjung dilihat sedang membuat pilihan pada produk yang dipasarkan di Pasar Chowrasta

Selain itu, aktiviti jual beli bukan sahaja berlaku di dalam pasar malah berlaku juga di luaran persekitaran pasar. Limpahan aktiviti sosial dan aktiviti jual beli ini meningkatkan lagi semangat dan jiwa pada pasar tradisi tersebut. Aktiviti di pasar tradisi melibatkan pihak peniaga dan pembeli saling berinteraksi untuk urusan transaksi, bertegur sapa memperlihatkan suasana pasar semakin hangat dengan kemeriahannya yang terbina pada setiap hari. Selain itu, interaksi sesama masyarakat setempat juga membantu pasar tradisi kekal hidup di dalam pembangunan bandar. Damsar (2018) berkata, pasar tradisi kaya dengan fenomena yang kompleks berlaku terhadap pelbagai lapisan masyarakat setempat.

PERSEPSI DAN PENGALAMAN MANUSIA

Hasil kajian menunjukkan bahawa penglibatan komuniti yang melawati ketiga-tiga pasar ini adalah masyarakat setempat yang tinggal berdekatan di sekitar pasar. Penglibatan komuniti yang terlibat dengan pasar tradisi ini terdiri daripada lapisan umur dan kebanyakan pengunjung adalah berusia sekitar 26 tahun ke atas. Rata-rata pengunjung di pasar tradisi ini menunjukkan bahawa mereka tergolong dalam golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah. Ketiga-tiga pasar tradisi ini menerima pengunjung tetap dan berulang dari masyarakat setempat. Kebanyakan pengunjung sering melawati pasar tradisi bersama keluarga, pasangan dan secara individu. Rata-rata pengunjung di pasar ini adalah terdiri daripada masyarakat setempat yang telah menetap lebih dari 30 tahun di sekitar bandar warisan dan pasar tradisi.



RAJAH 5. Proses tawar menawar antara pengunjung dan peniaga secara langsung (Pasar Taiping)

Kecenderungan pengunjung untuk melawati ketiga-tiga pasar tradisi adalah untuk membeli barang tempatan, menikmati budaya setempat, serta harga barang yang berpatutan dan sering berinteraksi dengan masyarakat tempatan. Makanan tempatan, makanan kering, makanan basah & segar, sayur-sayuran dan buah-buahan menjadi keperluan utama oleh masyarakat tempatan untuk datang ketiga-tiga pasar tradisi ini.

Dapatkan kajian pada ketiga-tiga pasar tradisi yang dikaji telah menunjukkan bahawa pengalaman pengunjung ke pasar tradisional mengambil kira tiga elemen, iaitu gambaran imej pasar tradisional, pengalaman berkunjung dan pengalaman berbelanja. Kebanyakan pengunjung berpendapat bahawa ketiga-tiga gambaran imej pasar tradisi adalah tertumpu kepada barang tempatan dan disokong oleh faktor terkenal seperti barang segar, harga berpatutan serta kehidupan budaya tempatan.

Selain itu, hasil kajian mendapati bahawa pengalaman yang dicapai oleh pengunjung pasar tradisional ini adalah pengalaman yang menyeronokkan. Ia juga disokong oleh perasaan nostalgia, interaksi dengan peniaga dan sifat peniaga yang beramah mesra dengan pengunjung. Seterusnya, pengunjung berasa tertarik dengan pengalaman berbelanja di pasar tradisional lebih-lebih lagi tanda harga produk yang murah, berpatutan, serta kepelbagaiannya produk tempatan dan asli.

Kebanyakan peniaga di ketiga-tiga pasar tradisi ini telah berniaga dari generasi ke generasi melebihi 30 tahun. Perniagaan tradisi ini adalah diwarisi oleh keluarga peniaga itu sendiri. Sumber produk yang diperdagangkan di ketiga-tiga pasar tradisi adalah hasil yang didapati dari kawasan setempat.

RUMUSAN DAN PENEMUAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, dapat dirumuskan bahawa:

1. Pasar tradisional adalah tempat atau ruang yang mana masyarakat bertemu di antara peniaga dan pembeli melakukan aktiviti kehidupan secara turun temurun.
2. Pasar tradisional juga menggambarkan sebuah tempat membina kehidupan dan cara gaya hidup di bandar warisan. Secara tidak langsung ia sebenarnya telah membentuk identiti setempat yang unik mengikut acuan bandar warisan tersebut.

Pasar Tradisi

tempat masyarakat bina
kehidupan secara turun
temurun di bandar

RAJAH 6. Fungsi pasar tradisi

KESIMPULAN

Berdasarkan analisa kajian, ketiga-tiga pasar tradisional ini masih kekal sehingga sekarang di bandar warisan kerana ia mempunyai nilai warisan sejarah yang unik. Nilai sejarah yang berlaku dalam pembangunan pada ketiga-tiga pasar adalah berbeza bergantung kepada konteks persekitaran, tempat, masyarakat dan masa. Ibrahim et al. (2018) berkata, ketidakasingan elemen fizikal di sesuatu kawasan bandar warisan adalah berkait rapat dengan kepentingan sejarah bangunan sekeliling yang terletak berdekatan pasar tradisional dan dianggap unik. Bandar yang mempunyai nilai sejarah akan menghasilkan pasar tradisi yang berfungsi sebagai tempat aktiviti sosial dan aktiviti kebudayaan (Alias 2010).

Selain itu, kewujudan pasar tradisi juga dipengaruhi oleh kepelbagaiannya aktiviti yang berlaku di sekitar bandar warisan. Menurut Nelwan et al. (2017), pasar tradisi adalah sebahagian nilai yang penting dalam kehidupan masyarakat di bandar warisan kerana ia mempunyai nilai budaya yang unik dengan menawarkan aktiviti perdagangan yang luas dengan keramahan dalam aktiviti jual beli. Corak gaya hidup jual-beli tradisional juga menjadi faktor pasar tradisi yang masih diguna pakai sehingga ke zaman ini. Aktiviti jual beli di luar dan dalam bangunan di persekitaran

pasar tradisi turut mewarnai kehidupan masyarakat. Ia menyumbang kepada ketelusan aktiviti kebudayaan di sekitar bandar warisan. Kepelbagaiannya aktiviti sosial seperti berinteraksi dan aktiviti budaya yang berlaku menyokong penuh terhadap aktiviti budaya jual beli tradisional berjalan dengan lancar. Fungsi pasar tradisional bukan sahaja hanya tempat untuk melakukan aktiviti perniagaan tetapi sebagai tempat untuk konsep kehidupan dan interaksi sosio-budaya antara masyarakat (Aliyah et al. 2017).

Selain itu, antara sebab pengunjung sering pergi ke pasar tradisional adalah untuk mengalami pengalaman keseronokan dalam budaya jual beli tradisional antara penjual dan pembeli. Produk tempatan yang terkenal serta interaksi sosial memperkuat lagi jalinan hubungan sosial antara masyarakat setempat di pusat bandar warisan. Keinginan untuk mencari makanan tempatan, kraf tradisional, memerhatikan aktiviti penduduk tempatan dan cara hidup telah menarik minat kepada orang ramai untuk mengunjungi mewarnai pasar dan bazar tempatan (Ghapar et al. 2014).

Ini menunjukkan bahawa gaya hidup masyarakat di pasar tradisi mempunyai nilai identiti dan perasaan jiwa setempat. Selain itu, perasaan nostalgia dan memori menyebabkan kewujudan pasar tradisional masih dirasai menjadi faktor masyarakat sering melakukan aktiviti kebudayaan di pasar. Kritikan terhadap budaya bukan sahaja berkaitan unsur budaya seperti seni tradisional dan kepentingan warisan, tetapi merangkumi nilai budaya berkongsi identiti, kenangan, pengalaman, kepercayaan, dan warisan yang mewarisi generasi akan datang (Roodhouse, 2010).

Perniagaan mikro dan ekonomi kecil diwarisi turun-temurun mewujudkan pasar tradisi yang masih kekal berfungsi secara tradisi dan menjadi tarikan kepada masyarakat.

Selain itu, kedudukan keberadaan pasar tradisi di pusat bandar menjadi titik tumpuan dan disokong oleh zon komersial dan zon kemudahan awam. Hal ini menjadikan ia sebuah tempat pertemuan masyarakat di bandar warisan secara berpusat. Pembangunan pasar tradisi menggunakan dataran dan berdekatan dengan jalan utama memudahkan masyarakat akses dalam aspek kebolehsampaian ke pasar tradisi. Ujang (2009) berpendapat bahawa imej persepsi sesuatu tempat, digabungkan dengan unsur dan aktiviti fizikal, bentuk dan mempengaruhi keterikatan pengguna terhadap sesuatu tempat. Ia selalunya merangkumi aktiviti yang dijalankan oleh masyarakat di tempat tersebut. Sementara itu, telah menjadi suatu tarikan semasa orang berkunjung ke dataran mercu tanda bersejarah. Misalnya tiang bendera ikonik dan bangunan warisan yang merupakan potensi terpendam untuk menjadikan ruang awam aktif untuk menampung pemandangan acara harian seperti budaya pasar yang rancak dan sebagainya.

Pasar tradisional memberikan sumbangan dan juga impak besar terhadap bandar dengan mewujudkan pekerjaan bagi masyarakat. Sekali gus memberi peluang kepada perusahaan mikro dan juga peniaga-peniaga untuk

kekal berterusan. Pasar tradisional juga merupakan elemen bandar yang penting dalam mewujudkan sesebuah ruang interaksi dan budaya untuk masyarakat itu sendiri agar saling mengenal antara satu sama lain. Sesungguhnya, pasar tradisi adalah akar umbi pada sesebuah pertumbuhan pembangunan bandar dan mempunyai peluang untuk masa depan, kita hanya perlu mengubah cara kita melihatnya.

Pasar tradisi merupakan simbol budaya Malaysia yang pelbagai kerana wujudnya kepelbagaiannya bangsa, agama, kaum dalam kalangan masyarakat sejagat. Pelbagai etnik atau suku kaum dengan watak dan budaya masing-masing bertemu kemudian berdampingan dan bersaing mencari rezeki bersama-sama di pasar. Para peniaga mempunyai keunikian tersendiri dalam menawarkan barang dagangan mereka. Sungguhpun demikian, masyarakat kita tetap hidup dalam keadaan yang harmoni. Pasar tradisi adalah penting dalam pembentukan sesebuah bandar untuk melahirkan kehidupan masyarakat yang berkualiti.

Pihak yang terlibat seperti arkitek, badan kerajaan dan swasta, dan juga masyarakat setempat haruslah memandang serius terhadap kewujudan pasar tradisional yang mempunyai nilai identiti setempat dan nilai kebudayaan yang lahir dari generasi ke generasi. Langkah penambahbaikan atau menambahbaik taraf pasar tradisi wajar perlu dipertimbangkan dengan erti kata memberi nafas baru tanpa mengubah corak tradisi kehidupan jual beli yang sudah terbina lamanya dalam kalangan masyarakat setempat. Semua pihak harus menyokong seni bina pasar tradisi terus berkembang sebagai tempat masyarakat bina kehidupan di bandar.

Cadangan hasil daripada kajian ini, adalah memberi panduan juga kepada pembangunan pasar masa hadapan dengan mengambil kira pembangunan pasar harus berada di sekitar kawasan kegiatan ekonomi dan penempatan masyarakat setempat, mengekalkan tradisi corak jual beli secara tradisional dalam kegiatan ekonomi dan akhir sekali pembangunan pasar harus berdekatan dengan jalan utama dan berada di dataran sebagai titik tumpuan pembangunan bandar.

KESIMPULAN

Penyelidikan ini telah menunjukkan bahawa pasar tradisional akan memberi manfaat kepada masyarakat dan bukannya memberi kesan negatif kepada pembangunan pembandaran di Malaysia. Kajian ini juga percaya bahawa pengekalan pasar tradisional di bandar Malaysia bermaksud pembangunan yang berjaya untuk kehidupan pertumbuhan bandar dan masyarakat pada masa depan. Kesedaran oleh setiap pihak terlibat dan masyarakat setempat terhadap usaha untuk mempertahankan pasar tradisional akan menanamkan nilai dalam mengekalkan kehidupan bandar yang berkualiti pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atas pemberian dana FRGS/1/2021/SSI02/UKM/02/1.

RUJUKAN

- Alias, S. 2010. *The Significant Role of Traditional Market in an Urban Context: Study Area : Pekan Rabu, Alor Setar and Kedai Payang, Kuala Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia. <https://books.google.com.my/books?id=N0t9nQAACAAJ>
- Aliyah, I., Setioko, B., & Pradoto, W. 2017. Spatial flexibility in cultural mapping of traditional market area in Surakarta (A case study of Pasar Gede in Surakarta). *City, Culture and Society* 10. <https://doi.org/10.1016/j.ccs.2017.05.004>
- Creswell, J. W. 2009. *Research design: Qualitative, quantitative and Mixed Methods Approaches*. SAGE Publications, Inc.
- Damsar, P. D. 2018. *Pengantar Sosiologi Pasar*. Prenada Media. <https://books.google.com.my/books?id=fXxDwAAQBAJ>
- Ganesan, V. 2021. Cover Story: 99 Speedmart and KK Super Mart hasten expansion. *The Edge Malaysia*. <https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-99-speedmart-and-kk-super-mart-hasten-expansion>
- Ghapar, M.H.A., Zakariya, K., & Harun, N.Z. 2014. Regeneration for sustainable marketplace: a literature review. *International Conference on Sustainable Urban Design for Livable Cities* (SUDLiC 2014), <https://www.researchgate.net/publication/275953303>
- Ibrahim, M. , Wahab, M.H., & Mohamad Shukri, S. 2018. Revealing urban marketplace identity: Pudu. *Planning Malaysia Journal*, 16. <https://doi.org/10.21837/pmjurnal.v16.i5.422>
- Ida Bagus, B. 2016. Pasar tradisional di tengah arus budaya global. *Jurnal Ilmu Manajemen Mahasaraswati* 6(1): 12.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee, Y.L. 2012. *The Roles of Cultural Spaces Characterising the Identity of Historic Towns in Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia. Faculty of Built Environment.
- Nelwan, J.W., Lapian, S.L.H.V.J, & Rumokoy, F. S. 2017. The existence of traditional market toward modern market in Tomohon city. *Jurnal EMBA: Jurnal Riset Ekonomi, Manajemen, Bisnis Dan Akuntansi* 5(3): 8. <https://doi.org/https://doi.org/10.35794/embaj.v5i3.17511>
- Petrović, M.D., Ledesma, E., Morales, A., Radovanović, M.M., & Denda, S. 2021. The analysis of local marketplace business on the selected urban case—Problems and perspectives. *Sustainability* 13(6). <https://doi.org/10.3390/su13063446>
- Qamaruz-Zaman, N., Shaberi, W.S.W., Bakri, A.F., & Ahmad, S.S. 2014. Functional dimension of spillover activities towards the liveliness of Sungai Besi Market, Kuala Lumpur. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 153: 629-638. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.10.095>
- Rizal, R.M., Alhamidi, N.R., Hermawan, F., & Ismiyati. 2017. Karakteristik lokasi pasar tradisional dan dampak operasionalnya: studi kasus Kota Semarang. *Jurnal Riptek* 2(2): 11.
- Roodhouse, S. 2010. *Cultural Quarters: Principles and Practice*. Intellect. <https://books.google.com.my/books?id=4wS47yGsWGwC>
- Suryanto, S., Hermanto, B. & Dai, R.M. 2018. Traditional Market Issues. *International Conference on Business, Economic, Social Sciences and Humanities* (ICOBEST 2018).
- Swettenham, F. 1893. *About Perak*. National University of Singapore Library, Singapore. <https://books.google.com.my/books?id=2hKiAQAAQAAJ>
- Tazilan, A. 2012. Identifying microarchitecture for sustainable design in Malaysia. *Smart and Sustainable Built Environment* 1(2): 172-185. <https://doi.org/10.1108/20466091211260659>
- Ujang, N. 2009. Place Attachment and Continuity of Urban Place Identity. *1st National Conference on Environment-Behaviour Studies*, 2, 11. <https://doi.org/10.21834/abebs.v2i2.182>
- Zakariya, K. 2016. Street Markets: Cultural And Economic Corridors Of The City. *Habitat Magazine* 2016, 2.